

Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Dalam Filem Magika (2010)

Social Criticism of Society In The Film Magika (2010)

Muhammad Rozaini Razak
¹Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Persuratan Melayu,
Pusat Kajian Bitara Melayu,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence e-mail: ¹nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Magika (2010) ini telah diarahkan oleh Edry Abdul Halim dan dibantu oleh Kumpulan KRU sebagai penerbit filem. Filem ini merupakan filem bergenre muzikal. Filem Magika telah menampilkan watak-watak yang terdapat dalam cerita rakyat daripada cerita yang berbeza namun ditemukan dalam satu filem yang sama menerusi dimensi watak yang berbeza. Watak yang ditampilkan bukanlah seperti kerangka atau model watak yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Dimensi watak yang diterapkan adalah terdiri daripada sudut positif dan negatif. Filem ini sarat dengan isu sosiologi masyarakat tempatan memaparkan sikap masyarakat melayu dalam menjalani kehidupan seharian. Kesemua aspek yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berlandaskan model pencerminan yang diperkenalkan oleh Karl Max dan Frederick Engels. Objektif makalah ini bertujuan untuk meneliti kritikan sosial terhadap masyarakat yang terdapat dalam filem Magika (2010). Penyelidikan fundamental dirancang dengan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian ini. Dapatan kajian ini terdapat lapan kritikan yang dianalisis dalam makalah ini kritikan sosial masyarakat yang mementingkan harta, masyarakat yang bertindak melulu, masyarakat yang tidak menghormati orang tua, masyarakat yang sombong, masyarakat yang bahagia di atas penderitaan orang lain, masyarakat yang melakukan gangguan seksual, pembesar yang penakut, masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan masyarakat yang melakukan buli.

Kata kunci: Filem Melayu, Magika, Edry Abdul Halim, Teori Sosiologi, kritikan sosial.

ABSTRACT

Magika (2010) was directed by Edry Abdul Halim and assisted by Kumpulan KRU as a film producer. This film is a musical genre. The film Magika has featured characters found in folklore from different stories but found in the same film through different character dimensions. The characters featured are not like the framework or character models found in Malay folklore. The applied character dimension consists of positive and negative angles. This film is loaded with sociological issues of the local community, displaying the attitude of the Malay community in their daily lives. All aspects discussed in this study are based on the reflection model found in literary sociology, introduced by Karl Max and Frederick Engels. The objective of this paper is to examine the social criticism of society found in the film Magika (2010). Fundamental research is designed with a qualitative method as the design of this study. The findings of this study are eight criticisms that are analyzed in this paper: social criticism of a society that cares about property, a society that acts recklessly, a society that does not respect the elderly, an arrogant society, a society that is happy over the suffering of others, a society that commits sexual harassment, a cowardly leader, a society that is selfish, and a society that bullies.

Keywords: *Malay film, Magika, Edry Abdul Halim, sociological theory, social criticism*

1. Pengenalan

Filem mempunyai dimensi pentakrifan dan ruang lingkup kontekstual yang luas. Filem ialah sebuah wahana kreatif yang bersifat perbincangan (*discursive*), serta melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran dan kepakaran (Ismail Abdullah, 2009). Filem diertikan sebagai imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan pelbagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen. Filem juga boleh diertikan sebagai hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan cerita dan cermin kepada budaya masyarakat tertentu; pemikiran dan cetusan perasaan pembikinannya; sebuah cerita tentang kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja, sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yang telah diubahsuai atau dipadankan (Anisah Sarji, 1996). Seterusnya, terdapat pelbagai jenis genre filem bagi memenuhi cita rasa penonton antaranya aksi, komedi dan muzikal. Genre filem muzikal mula menerima sambutan di pawagam sekitar 1930-an sehingga hari ini, banyak karya telah diciptakan namun bukan semuanya berjaya menyentuh jiwa penonton (Harian Metro, 2017). Filem muzikal adalah satu genre filem yang mengetengahkan bentuk sinematik yang menekankan lagu ataupun tarian dengan sepenuhnya atau satu genre filem yang mengutamakan kombinasi di antara muzik, tarian, nyanyian dan koreografi (Mohd Affendi, 2012). Setiap lagu memainkan peranan yang penting bagi menyokong plot atau jalan cerita filem. Namun yang ingin diketengahkan adalah kritikan sosial yang terdapat dalam cerita rakyat menerusi filem *Magika* (2010).

Sosial merupakan sesuatu aspek yang berkait rapat dengan setiap perkara yang berhubung dengan kehidupan masyarakat mahupun kemasyarakatan. Menurut Herimanto (2008), aspek sosial merupakan salah sebuah faktor utama dalam kehidupan manusia. Aspek sosial juga merupakan hubungan sosial yang dinamik, berkait rapat hubungan antara individu, kelompok manusia, mahupun hubungan antara seseorang manusia dengan kelompok manusia yang lain. Menurut Hashim Awang (1994), beliau berpendapat bahawa pendekatan sosial menekankan unsur kebaikan dalam karya sastera. Karya sastera dianggap sebagai salah sebuah pendedahan segala persoalan yang berakarkan kepada satu tujuan untuk mencari keadilan serta kebaikan dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, menurut Talib Samat (2010), beliau memberi definisi isu sosial dianggap sebagai sesuatu persoalan besar yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada era tertentu yang menjadi fokus perbincangan masyarakat serta mempengaruhi pemerintah dalam menentukan dasarnya untuk mengatasi isu tersebut.

Dari sudut sejarah teori sosiologi, sosiologi sastera pada mulanya telah diperkenalkan sejak sebelum masehi lagi. Plato dalam bukunya yang berjudul *Republic* telah menegaskan tentang kedudukan sastera dalam kehidupan manusia. Plato berpendapat bahawa segala yang ada di dunia hanyalah merupakan tiruan daripada kenyataan tertinggi yang berada di dunia. Para ahli pengkaji kesusasteraan telah bersetuju bahawa Hippolyte Taine adalah ‘Bapa Sosiologi Sastera’, seorang rakyat Perancis (1766-1817). Menurut pendapat Taine, sastera adalah akibat daripada tiga unsur penting; masa (*moment*), bangsa (*race*) dan alam sekeliling (*milieu*) dan seterusnya telah disokong dan dituruti oleh Marx dan Engels (Hamzah Hamdani, 1988).

Filem *Magika* merupakan filem bergenre muzikal yang terdiri daripada 23 orang watak. Watak yang terdapat dalam filem *Magika* merupakan watak yang terdiri daripada pelbagai cerita rakyat di Malaysia. Cerita rakyat adalah salah satu bentuk sastera Melayu yang tertua.

Uitley (1965) menyatakan sastra rakyat adalah bercorak lisan yang dituturkan. Ianya bermaksud diceritakan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Cerita rakyat ini disampaikan secara lisan kerana masyarakat melayu pada zaman dahulu tidak mengenali huruf dan sistem tulisan. Kebanyakan cerita-cerita rakyat berasaskan keadaan persekitaran dan budaya ketika itu (Othman Puteh, 2000). Menurutny lagi cerita rakyat mengandungi pengajaran, komedi dan nilai murni dan sebagainya. Cerita rakyat ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu, cerita rakyat febel atau cerita rakyat binatang, lagenda, jenaka, mitos dan teladan.

2. Tinjauan Literatur

Penelitian lepas mengenai kajian lepas filem Magika masih terhad. Namun, terdapat dua kajian lepas yang mengkaji filem magika dalam konteks yang berbeza. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Faezahnor Saddil, Zairul Anuar Md. Dawam dan M. Fazmi Hisham dalam artikelnya Ciri Dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal Magika (2010). Kajian ini menganalisis ciri dan fungsi lagu dalam membentuk struktur plot dan naratif filem muzikal Magika (2010). Teori Conceptual Integration Network oleh Fauconnier dan Turner (1998) digunakan untuk menganalisis ciri dan fungsi lagu seperti makna lirik, melodi dan nyanyian watak kepada keseluruhan naratif filem meliputi tema, watak perwatakan dan plot (sebab dan akibat) filem tersebut. Kajian ini memfokuskan elemen beat dalam struktur plot yang diperkenalkan oleh Syd Field (2005) dan Blake Snyder (2005) pada babak 2 iaitu Midpoint, B Story dan The bad guys close in. Pemilihan babak 2 ini dilakukan kerana ia merupakan durasi paling panjang dalam sesebuah filem yang memerlukan elemen beat yang kuat untuk memastikan audiens tidak bosan dan terus menonton filem. Kajian ini mendapati ciri dan fungsi lagu dalam babak dua, iaitu lagu 'Kehilangan' dan 'Rahsia Awet Muda' sesuai dianalisis dan mempunyai hubungan kait dengan elemen beat pada babak 2 iaitu Midpoint yang diperkenalkan oleh Syd Field (2005); B story dan The bad guys close in oleh Blake Snyder (2005). Kesannya, penggunaan lagu dalam filem muzikal Magika (2010) ini memberi kesan kepada struktur plot pada babak 2 meliputi elemen naratif seperti tema, watak perwatakan dan plot (sebab dan akibat), sekali gus memberi keterujaan kepada audiens untuk menonton filem tersebut. Selain itu, terdapat juga

Kajian Perbandingan Kualiti Cgi Dalam Filem Magika 2010 Dan Filem Avatar 2009. Kajian tersebut telah dilakukan oleh Pravina Surenthiran (2021). Kajian tersebut membincangkan tentang perbandingan kualiti CGI dalam filem tempatan Magika 2010 dan filem antarabangsa Avatar 2009. Pengkaji telah menerangkan pengertian (Computer Generated Imagery) atau imej janaan komputer CGI dan juga aspek-aspek yang penting sebelum melakukan sebarang penyelidikan. Selain itu, focus kajian tersebut adalah untuk mengkaji jenis-jenis CGI yang digunakan dalam filem tempatan serta menganalisis perbandingan kualiti CGI antara filem Magika 2010 dan filem Avatar 2009 dan juga mengenalpasti teknologi CGI yang digunakan dalam filem Magika 2010 dan filem Avatar 2009. Filem tersebut terdiri daripada pelbagai jenis genre yang dihasilkan.

3. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kajian fundamental yang menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Sehingga kini, penulisan-penulisan mengenai Magika masih terhad. Pada peringkat awal penyelidikan, usaha dilakukan untuk mendapatkan bahan berkaitan konsep, teori, latar belakang pengarang dan kajian yang dijalankan oleh pengkaji lain. Oleh itu, melalui pembacaan berdasarkan beberapa sumber seperti tesis, jurnal, kertas kerja dan lain-lain bahan bacaan serta laman sesawang yang berkaitan untuk mengumpul maklumat dan

mengaitkannya dengan teori yang akan diaplikasikan.

Selain itu, kaedah pertama kajian ini ialah kaedah perpustakaan. Kaedah perpustakaan adalah mekanisme kajian utama dalam meneliti buku-buku, tesis, dan artikel jurnal. Dalam konteks ini, kajian yang dilaksanakan memerlukan pemahaman serta info atau maklumat yang meluas berkaitan dengan teori dan tajuk kajian yang dilakukan. Beberapa sumber kajian dan bahan rujukan diperoleh melalui Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Proses ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data-data seperti latar belakang pengarah filem iaitu Edry Abdul Halim serta rujukan-rujukan yang berkaitan dengan genre filem yang digunakan. Selain itu, kaedah ini digunakan untuk memperolehi maklumat dengan lebih lanjut dan mendalam mengenai Teori Sosiologi. Seterusnya, kaedah kedua ialah kaedah digital untuk menganalisis bahan kajian. Kaedah digital merupakan antara cara untuk mengumpulkan data iaitu dengan membuat pemerhatian melalui tontonan Filem Magika di aplikasi seperti Netflix, Youtube, Iflix dan sebagainya. Secara keseluruhan, kajian ini hanya berfokuskan kepada kaedah kualitatif. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan ini memerlukan maklumat dan rujukan yang tepat melalui bahan yang berilmiah. Oleh itu, hasil kajian yang dilakukan ini, lebih dipercayai kerana menggunakan maklumat yang sahih dan boleh dipercayai.

Secara ringkasnya, keseluruhan kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini memerlukan pengetahuan melalui bacaan-bacaan buku yang berilmiah serta memperolehi maklumat yang tepat secara langsung dari pengkaryanya itu sendiri. Dengan itu akan menghasilkan sebuah kajian yang sempurna dan boleh dipercayai sumbernya.

4. Dapatan Dan Perbincangan

4.1 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Dalam Filem Magika (2010)

Makalah ini menganalisis mengenai kritikan sosial terhadap masyarakat yang terdapat dalam filem Magika (2010) arahan Edry Abdul Halim. Terdapat pelbagai isu yang diketengahkan oleh pengarah dalam memperlihatkan ciri-ciri kritikan sosial yang diperolehi melalui filem ini. Kritikan yang dipamerkan oleh pengarah ini sememangnya tidak lari daripada isu sosial masyarakat pada masa kini terutamanya dalam konflik yang dihadapi dalam sesebuah masyarakat.

Berdasarkan filem Magika (2010), aspek kritikan yang akan diuraikan dalam bahagian ini adalah daripada pelbagai sudut dan aspek. Sebagai contoh, berkenaan dengan realiti kehidupan berumah tangga iaitu kritikan sosial terhadap masyarakat yang suka mengambil kesempatan, masyarakat yang mementingkan harta, masyarakat takut kepada isteri, kasih sayang ibu bapa terhadap anak, masyarakat yang menjadi ketua keluarga yang tegas, masyarakat yang bertanggungjawab, masyarakat yang suka mencampuri hal orang lain, Masyarakat yang suka bertindak melulu, Masyarakat yang suka bertengkar dan masyarakat yang mementingkan kecantikan.

Sehubungan dengan itu, analisis kritikan sosial yang dinyatakan tersebut diuraikan dengan contoh dan hujahan. Kritikan sosial masyarakat ini adalah salah satu cara dimana seseorang pengkaryanya hendak memaparkan realiti sosial masyarakat Melayu. Di samping itu, memberikan kritikan dalam isu tertentu dengan memberikan bayangan sebenar kehidupan dan kritikan sosial kepada masyarakat Melayu kini khususnya berdasarkan watak-watak yang dibina.

4.1.1 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Mementingkan Harta

Sikap materialistik dalam kalangan masyarakat kini tidak lagi dipandang pelik. Materialistik merupakan satu sifat yang tergolong dalam kehidupan masyarakat masa kini yang mengutamakan keinginan untuk mengejar hal kebendaan. Tambahan pula, pada zaman serba moden ini terlalu banyak cabaran dari segi ekonomi dan lain-lain yang membuatkan ramai orang bekerja keras untuk hidup dengan selesa. Namun, ada segelintir masyarakat yang lebih menginginkan gaya hidup mewah tanpa melakukan sesuatu kerja. Mereka lebih mengharapkan harta orang tua sejak dari kecil. Oleh kerana itu, mereka menjadi seseorang yang sangat angkuh dan sombong.

Namun begitu, dalam filem *Magika* (2010) ini pengarah cuba mengetengahkan realiti sesetengah masyarakat yang mempunyai sikap yang terlalu materialistik sehingga sanggup meminta upah atau ganjaran walaupun pertolongan yang diminta tidak membebankan. Dalam filem ini memaparkan seorang individu yang membawa watak bersifat mementingkan harta dalam filem ini ialah watak Pak Pandir. Perkara ini dapat dibuktikan melalui watak Pak Pandir iaitu suami kepada Mak Andeh kepada Ayu. Bukti dapat dikenalpasti melalui dialog berikut:

AYU

Pakcik! Jangan lah lari, tolonglah saya. Kejap-kejap, tengok ni.

PAK PANDIR

Apa? Apa ini? Kertas? Aku nak buat apa dengan kertas?

AYU

Dengan kertas ini, Pakcik boleh beli ayam bawak balik rumah.

PAK PANDIR

Kau ini fikir aku bodoh ya? Lainlah emas ke, perak ke, bolehlah.

(Filem *Magika*, minit ke 12:50, 2010)

Berdasarkan petikan dialog tersebut, jelas menunjukkan sikap Pak Pandir yang terlalu mementingkan harta iaitu wang ringgit. Dia sanggup berdolak dalih untuk menjawab pertanyaan Ayu sehingga ditawarkan ganjaran. Selepas Ayu menawarkan ganjaran harta yang berbentuk perak, Pak Pandir bertindak sangat tamak dengan merampas segala duit syiling di tapak tangan Ayu. Selepas mendapat ganjaran, Pak Pandir terus memberi tahu bahawa adiknya iaitu Malik telah diculik dan dibawa ke rumah Nenek Kebayan. Namun Pak Pandir tidak memberi tahu secara terperinci dan terus pulang ke rumah selepas diketahui isterinya iaitu Mak Andeh bahawa dia berjumpa Wanita cantik iaitu Ayu. Babak antara Pak Pandir dan Ayu ini sudah cukup membuktikan bahawa sekiranya seseorang itu Ikhlas, sudah pasti tidak mengharapkan sebarang ganjaran namun tidak bagi watak Pak Pandir yang sangat mementingkan harta. Hal ini sememangnya lumrah kehidupan masa kini membuatkan semakin ramai manusia lebih mementingkan kebendaan, memandang kemewahan berbanding keikhlasan.

Jelaslah bahawa, dapat dibuktikan Pak Pandir lebih mementingkan harta daripada bertindak untuk menolong secara Ikhlas. Jelas dalam babak ini membuktikan sikap seperti ini akan memberi keuntungan kepada dirinya namun akan membebankan pihak yang ingin meminta bantuan. Oleh itu, pengajaran yang dapat kita ambil dalam filem ini adalah kita

seharusnya sadar akan bahawa dunia hanya bersifat sementara tetapi akhirat bersifat selamanya. Kita seharusnya lebih mementingkan atau mengejar akhirat dengan cara berlaku ikhlas terhadap segala tindakan yang kita lakukan bukannya mengharap sesuatu diatas Tindakan yang dilakukan. Bukan itu sahaja, dengan melakukan kebaikan maka akan dibalas kebaikan malah dikurniakan kesenangan hidup. Kesenangan hidup itu tidak bersandar pada kebendaan semata mata. Namun, kesenangan hidup dapat dizahirkan melalui ketenangan. Apa guna semua kemewahan sekiranya hati tidak tenang.

4.1.2 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Bertindak Melulu

Sikap Masyarakat yang suka bertindak melulu merupakan sikap yang negatif dan perlu dielakkan oleh setiap individu. Sikap bertindak melulu merupakan antara sifat mazmumah atau dikeji oleh agama. Hal ini kerana implikasi dan kesannya begitu besar terhadap sesuatu perkara yang dilakukan. Contohnya dalam percakapan, apabila seseorang yang mengungkapkan perkataan yang kurang cermat disebabkan bercakap tanpa berfikir, maka ia mampu mengguris hati seseorang lain, atau menyebabkan keadaan menjadi panik atau mengubah keputusan atau kedudukan sesuatu perkara, tanpa berfikir panjang. Bak kata peribahasa: "Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya".

Islam agama yang mengajar umatnya supaya bersabar dan tidak bertindak melulu dalam sesuatu perkara. Bertindak melulu disama ertikan dengan bertindak tanpa berfikir dalam melakukan sesuatu perkara. Bahkan umatnya disarankan untuk bertenang atau tidak tergesa-gesa dalam membuat sesuatu tindakan. Hadis riwayat Sahl bin Sa'ad RA, Rasulullah bersabda:

"Sesungguhnya sikap tergesa-gesa itu daripada syaitan."
(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Hadis riwayat ini jelas menyedarkan kita betapa pentingnya berfikir sebelum bertindak. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi mengelakkan sesuatu perkara yang buruk berlaku. Tindakan seseorang mampu mengubah nasib seseorang samaada baik atau buruk. Perkara ini dapat dibuktikan lagi melalui contoh gambar dalam filem berikut:



Gambar 5: Mahsuri dibunuh oleh Awang Lembing

(Sumber: Filem Magika)

Berdasarkan gambar yang dinyatakan tersebut, mahsuri telah dibunuh oleh seorang lelaki yang bernama Awang Lembing. Mahsuri telah dibunuh menggunakan lembing yang sangat tajam. Semasa Mahsuri dibunuh, darah berwarna putih telah keluar dari tubuhnya. Awang membunuh Mahsuri kerana, dia menganggap bahawa Mahsuri adalah Dayang. Sebaliknya, Dayang yang dimaksudkan bukanlah Mahsuri. Tindakan Awang yang tergesa-gesa dan bertindak melulu menyebabkan Mahsuri telah terbunuh. Selepas Mahsuri dibunuh, Awang telah ditangkap oleh pahlawan Melaka yang terdiri daripada Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekir, Hang Kasturi dan Hang Lekiu. Jelaslah, pengarah ingin membuktikan bahawa watak Awang Lembing yang suka bertindak melulu telah menyebabkan kesusahan kepada orang lain. Bukan itu sahaja malah menyebabkan pembunuhan. Impaknya, sikap bertindak melulu perlulah dijaui oleh setiap lapisan masyarakat agar nilai kesabaran dalam diri dapat dizahirkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai sabar amat dituntut dalam islam. Firman Allah s.w.t.:

*"Dantaatlhpada ALLAH dan
Rasul-NY Adanjanganlah kamuberselisihyang menyebabkan mumenjadi gentar dan hilang
kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya, ALLAH bersama orang-orang yang sabar."*

(Surah al-Anfal, ayat 46)

4.1.3 Kritikan Golongan Muda Yang Tidak Menghormati Orang Tua

Orang tua merupakan individu yang harus dihormati oleh golongan muda. Seperti kata-kata pepatah Melayu lama, yang tua dihormati, yang muda dikasihi. Sikap menghormati orang tua ini haruslah diterapkan oleh ibu kepada anak-anak sejak kecil supaya sikap ini sebatik dalam diri anak-anak. Ajaran Islam mengajar kita untuk menyayangi dan menghormati orang tua. Hormat dapat ditakrifkan sebagai memandang tinggi kepada seseorang dengan memberi layanan yang penuh sopan, memuliakan, mengetahui batas pergaulan dan beradab. Sikap dan amalan menghormati orang tua merupakan kunci kebahagiaan dan kedamaian dalam hidup. Sikap ini perlu ada pada setiap individu, tidak kira muda, kaya, miskin, berpangkat atau berjawatan. Ia merupakan tuntutan dalam ajaran Islam dan selari dengan prinsip dakwah yang diterapkan oleh Nabi SAW dalam menghormati dan menyayangi orang tua. Seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radiallahu'anh:

"Sayangilah semua yang ada di bumi, maka semua yang ada di langit akan menyayangimu."

(Riwayat al-Tirmizi).

Berdasarkan petikan hadis diatas, nilai atau rasa hormat kepada orang tua, boleh diterjemahkan dalam pergaulan dan hubungan harian di mana sahaja mereka berada sama ada di rumah, tempat awam dan sebagainya. Di dalam filem Magika (2010) didapati sikap golongan muda yang tidak menghormati orang tua dilakukan oleh watak utama iaitu Malik. Sikap ini dapat dilihat pada wataknya Malik seorang kanak-kanak yang sangat nakal dan tidak menghormati orang tua. Perkara ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan dialog dibawah:

AYU

Malik kau ni kenapa! Kau melawan cakap aku.

MALIK

Diamlah, semua salah malik. Kakak pun tak peduli pasal malik. Tiada siapa peduli pasal malik!

AYU

Haa. Merajuklah! Merajuk! Macam dia sorang je sedih. Mengada-ngada.

(Filem Magika, minit ke, 2:04, 2010)

MALIK

Makcik gila ! Hoi orang tua, lepaskanlah saya. Saya nak balik rumah Tok Wan.

NENEK KEBAYAN

Hey orang tua kau panggil aku! Aku muda lagi lah. Baru 300 tahun.

(Filem Magika, minit ke 35:51, 2010)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan pada minit ke 2:04, jelaslah bahawa dalam babak ini menunjukkan watak yang dilakonkan oleh Malik merupakan seorang adik atau kanak-kanak yang nakal. Malik sering meninggikan suara terhadap kakaknya. Selepas malik meninggikan suara kepada kakaknya, dia terus ke belakang rumah kerana mahu melarikan diri ke dalam hutan. Tindakan tersebut telah menyebabkan Ayu iaitu kakaknya dimarahi oleh ayahnya. Walaupun Ayu geram terhadap Tindakan adiknya, namun dia tetap ke hutan belakang rumah untuk mencari adiknya.

Selain itu, Malik juga bersikap tidak biadap atau tidak menghormati orang yang tidak dikenalnya iaitu Nenek Kebayan. Dia sering meninggikan suara dan bertindak kurang ajar. Malik bertindak krang ajar setelah malik digunakan dalam penghasilan ramuan awet mudanya. Malik dikerah untuk mengeluarkan air mata. Ramuan tersebut akan dijual kepada penduduk kampung termasuklah Puteri Gunung Ledang dan Puteri Santubong. Perkara ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan dialog dibawah:

Seterusnya, berdasarkan petikan dialog pada minit ke 35:51, jelaslah bahawa dalam babak ini watak yang dilakonkan oleh Malik bukan sahaja bertindak tidak menghormati kakanya malah bertindak sedemikian terhadap orang sekelilingnya. Benarlah dibuktikan bahawa sikap yang dimiliki Malik itu sebagai golongan yang tidak tahu menghormati orang tua. Dalam babak ini, pengarah secara terang mempamerkan kritikan sedemikian dalam filem Magika (2010) kerana amalan itu sudah cukup menjelaskan realiti kehidupan generasi anak muda Melayu pada hari ini. Sebagai golongan muda, kita wajarlah mengambil iktibar tentang sikap menghormati orang tua. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap menghormati harus terus diterapkan dalam diri golongan muda supaya tidak terhakis. Setiap individu, keluarga dan pendidik harus memberi didikan sejak dari awal nilai menghormati orang tua ini dalam diri anak-anak muda.

4.1.4 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Sombong

Takbur atau sombong, bongkak dan angkuh adalah antara sifat keji yang dilarang oleh Islam kepada umatnya. Ini kerana sifat tersebut membawa padah dan akibat yang buruk, bukan sahaja kepada diri sendiri, bahkan juga kepada Masyarakat sekeliling. Takbur itu ialah sifat memandang rendah, jijik dan hina kepada orang lain terutamanya kepada orang yang kurang bernasib baik dan miskin dari segi hartanya, ilmunya atau keturunannya. Jika ditinjau dalam helaian al-Quran, Allah SWT sebenarnya mengharamkan sifat takbur ini daripada dihiasi dalam peribadi Muslim yang bertakwa kepada-Nya. Firman Allah taala yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong takbur."

(Surah Al Nahl, ayat 23)

"Dan janganlah kamu berjalan di bumi ini dengan berlagak sombong kerana sesungguhnya kamu tidak akan dapat menembusi bumi dan kamu tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang."

(Surah Al Isra', ayat 37)

Maksud ayat tersebut secara jelas Allah SWT melarang umat Islam bersifat takbur. Bukankah Iblis dan sekutunya syaitan dibuang dari syurga akibat sifat kesombongan dan keangkuhan yang menguasai diri. Sifat sombong dan angkuh itulah yang menyebabkan Iblis menjadi makhluk yang terkutuk sepanjang masa. Keangkuhan Iblis terserlah dalam bentuk keengganannya untuk memberikan penghormatan kepada Nabi Adam as kerana dia merasakan kejadian dirinya lebih baik berbanding dengan kejadian Nabi Adam AS. Sikap sombong ini dapat dilihat dalam filem Magika (2010) pada watak Pak Pandir. Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan dialog dibawah:

AYU

Pakcik Nampak adik saya tak?

PAK PANDIR

Disini bukannya tempat mu. Baiklah kau pulang
segera. (Pak Pandir melarikan diri)

(Filem Magika, minit ke 24:18, 2010)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan tersebut, jelaslah bahawa dalam babak ini pengarah ingin menunjukkan watak yang dilakukan oleh Pak Pandir merupakan seorang yang sombong. Ayu telah mencari adiknya diserata tempat dan telah meminta bantuan kepada semua orang yang dia jumpa. Ayu telah terjumpa Pak Pandir selepas kejadian Pak Pandir jatuh dari pokok. Ayu terus bertanya tentang adiknya iaitu malik. Namun Pak Pandir terus menjeling sambil menyuruh Ayu untuk balik ke tempat asalnya. Selepas Pak Pandir mendapati Ayu merupakan seorang manusia, pak pandir terus menghilangkan diri. Jelaslah, sifat sombong akan menyebabkan kesusahan kepada pihak dan Masyarakat sekeliling.

4.1.5 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Bahagia Di Atas Penderitaan Orang Lain.

Gembira di atas penderitaan orang lain atau dalam bahasa arabnya disebut sebagai asy-syamaatah adalah suatu perbuatan yang zalim dan amat dimurkai oleh Allah SWT. Ini kerana perbuatan itu jelas sekali bertentangan dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

“Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang mukmin laki-laki dan perempuan, tanpa ada kesalahan yang mereka perbuat, maka sungguh mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata.”

(QS al – ahzab: 58).

Rasulullah SAW telah menegaskan bahawa kesempurnaan iman seseorang Muslim itu bergantung “cintanya” terhadap saudaranya yang harus sama dengan cintanya kepada dirinya sendiri. Berbahagia di atas penderitaan orang lain kerana Allah SWT akan membalas setiap satu dosa itu satu per satu. Sabda Rasulullah SAW:

“Janganlah engkau tunjukkan kebahagiaan atas penderitaan yang menimpa saudaramu. (Jika engkau lakukan itu) Allah akan mengasihinya dan akan memberikan musibah kepadamu.”

(HR at – Tirmidzi).

Jelaslah berdasarkan hadis-hadis diatas menunjukkan bahawa Bahagia diatas penderitaan orang lain amatlah ditegah dalam islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, menerusi perlakuan tersebut dapat memudaratkan orang lain. . Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan dialog berikut:

MALIK

Hoi makcik janganlah cakap pasal dia. Dia dah takda.

NENEK KEBAYAN

Haihhh..majulah bisnes aku. Haa nangis lagi nangis hehehe.

(Filem Magika, minit ke 36:46, 2010)

BURUNG KAKAK TUA

Posto-posto

PUTERI GUNUNG LEDANG

Ehhhh! Kacau saja, nak ‘feeling-feeling’ pun tak boleh. Dayang cepat ambil perutusan beta.

BURUNG KAKAK TUA

Terima kasih. Jumpa lagi!

NENEK KEBAYAN

Jika ada dilema dan lanjut usia...

Jangan risau nenek pasti ada

ubatnya...

Kau muda... hanya dalam sekelip mata...

(Filem Magika, minit ke 31:30, 2010)

Berdasarkan pada minit ke 36:46, jelaslah Nenek Kebayan mengerah Malik untuk mengeluarkan air mata supaya dapat dijadikan sebagai ramuan awet muda. Malik disiksa secara mental dengan cara mengecam tubuh ibunya yang sudah pun meninggal dunia. Malik berasa sangat sedih sehingga tidak berhenti mengeluarkan air matanya. Ramuan awet muda Nenek Kebayan mendapat sambutan apabila wajah Puteri Santubung menjadi cantik semasa meminum ramuan tersebut di Pasar Rimba. Puteri gunung ledang turut tidak melepaskan peluang bagi mendapatkan ramuan tersebut kerana dia merasakan tubuh badannya sudah lagi tidak seksi seperti dahulu. Kedua-dua watak ini mempunyai wajah yang sangat tua kerepot, namun selepas mengamalkan rahsia awet muda maka wajah dan tubuh badan mereka menjadi cantik seperti anak dara.

Berdasarkan petikan dialog pada minit ke 31:30, jelaslah bahawa wanita tidak dapat lari daripada fitrahnya iaitu ingin kelihatan cantik. Sebagai contoh, Watak Puteri Gunung Ledang, Puteri Santubong dan Nenek Kebayan itu sendiri mengamalkan meminum jamu. Usia Nenek Kebayan yang menjangkau 300 ratus tahun namun tetap cantik seperti anak dara. Jamu yang dihasilkan merupakan air mata kanakkanak. Malik dikerahkan untuk menangis supaya nenek kebyan dapat mengumpul air matanya untuk dijadikan ramuan rahsia awet muda. Ramuan tersebut akan dijual di Pasar Rimba. Namun, untuk mengekalkan kecantikan tersebut, mereka telah menyebabkan berlakunya penderitaan orang lain demi kebahagiaan diri sendiri.

4.1.6 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Melakukan Gangguan Seksual

Gangguan seksual merupakan masalah kesihatan perkerjaan yang kronik (Quick & McFadyen, 2017). Malah, menurut Hersch (2015) gangguan seksual juga merupakan rangkaian tingkah laku yang luas. Contoh rangkaian tingkah laku gangguan seksual termasuklah pandangan sepintas lalu dan gurauan yang tidak sopan, memberi komen yang merendahkan mana-mana pihak jantina, serangan seksual dan tindakan fizikal lain yang ganas.

Di Malaysia, tingkah laku gangguan seksual boleh dibahagi kepada lima jenis oleh Persekutuan Majikan Kerja (1999). Jenis-jenis gangguan seksual yang dinyatakan adalah gangguan secara lisan, gangguan secara isyarat/bukan lisan, gangguan visual, gangguan psikologi dan gangguan fizikal. Pekeliling Bilangan 5 Tahun 2018 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menambahbaik jenis gangguan seksual dengan menyatakan gangguan seksual boleh terjadi kepada sesiapa sahaja; sama ada berlainan atau sesama jantina. Gangguan sosial juga merangkumi sebarang kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, atau sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

Berdasarkan kepada hadis Riwayat Bukhari, iaitu Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Janganlah seorang lelaki berkhawat dengan seorang wanita kecuali disertai mahramnya”*. Jadi, apabila lelaki dan wanita bertemu untuk sesuatu urusan, mereka hendaklah

mengelakkan diri dari berdua-duaan.
(Hadis Riwayat Bukhari)

Maksud ayat tersebut secara jelas Allah SWT melarang umat Islam untuk berkhawatir kecuali mahramnya. Sebagai umat Islam amatlah dituntut untuk mengeakkan berdua-duaan bagi mengelakkan zina. Satu hakikat yang diketahui umum bahawa umat Islam sekarang ini sedang mengalami cabaran hidup moden yang begitu hebat sekali yang boleh menggugat aqidah dan iman mereka. Ini kerana banjir falsafah dan ideologi-ideologi moden sekarang seperti gejala sosiobudaya yang berteraskan hendonisme amat mudah mempengaruhi kehidupan umat Islam dan mengelirukan mereka malah ada di kalangan umat Islam yang berkelakuan dan bertindak sehingga sampai ke peringkat melampaui batas-batas kufur, syirik dan nifaq (Zaluddin 1995). Di dalam filem Magika (2010) didapati gangguan seksual telah dilakukan oleh watak Orang Minyak terhadap Ayu. Sikap ini dapat dilihat pada watak Orang Minyak yang sangat gatal dan suka mengambil kesempatan terhadap wanita. Selain itu, gejala gangguan seksual bukan sahaja dapat dilihat pada watak orang minyak, malah dapat dilihat pada watak pembesar juga iaitu watak Hang Tuah. Perkara ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan dialog dibawah:

ORANG MINYAK

Dara ke ni Bad? Kau punya ke?

AYU

Awak ada Nampak tak adik saya. Dia kecil ini

ORANG MINYAK

Kecil ini (menunjukkan kemaluan)

Dulu kecil sekarang dah besar. Ada dekat dalam Semak. Jom saya tunjuk.

(Filem Magika, minit ke 37:58, 2010)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan tersebut, jelaslah bahawa dalam babak ini pengarah ingin menunjukkan watak yang dilakukan oleh Orang Minyak merupakan seorang yang mempunyai sikap yang buruk iaitu suka memperkosa wanita dan berkata lucah. Sebagai contoh, dalam babak tersebut Orang Minyak telah menyatakan tentang kemaluannya secara tersirat. Ayu hampir diperkosa oleh Orang Minyak semasa berada di Pasar Rimba. Orang Minyak berani bertindak sedemikian kerana Ayu merupakan orang luar. Namun, tindakan orang minyak untuk memperkosa Ayu sempat dihalang oleh Badang. Selepas badang menghalang Ayu, Orang minyak berdengus marah lalu berkata “kalau tak dapat Ayu, dapat kau pun boleh lah Bad”. Jelaslah, setiap individu perlulah berhati-hati dimana sahaja berada.

Hal ini dikatakan demikian kerana, kita tidak mengenali asal usul dan perwatakan seseorang. Jadi, perkara buruk boleh berlaku bila-bila sahaja. Seterusnya, sikap masyarakat yang melakukan gangguan seksual dapat dilihat pada watak Hang Tuah terhadap Ayu. Perkara ini dapat dibuktikan lagi melalui contoh gambar dalam filem berikut :



Gambar 6: Ayu memegang tangan Hang Tuah.

(Sumber: Filem Magika)

Berdasarkan gambar diatas, Ayu telah bertindak memegang tangan Hang Tuah kerana keterujaannya ingin mengetahui tentang nenek kebayan yang suka menculik kanak-kanak. Namun, Tindakan Ayu tersebut telah mencetuskan satu gangguan seksual secara lisan terhadapnya. Hang Tuah telah berkata bahawa “maaf, jangan batalkan air sembahyang saya. Kalau nak pun malam sikit”. Berdasarkan perbualan tersebut, Hang Tuah menyatakan kepada Ayu bahawa sekiranya ingin bersentuhan perlulah didalam hari kerana takut perbuatan tersebut diketahui orang lain kerana mereka berada di tempat awam. Jelaslah, gangguan seksual bukan sahaja beraku dalam kalangan rakyat biasa malah boleh berlaku dalam kalangan pembesar kepada rakyat. Jika dilihat pada perwatakan Hang Tuah yang sebenar, wataknya adalah seorang yang baik dan menghormati wanita namun, watak Hang Tuah dalam filem Magika sangat bertentangan iaitu seorang yang gatal sehingga melakukan gangguan seksual dari segi lisan,

Oleh itu, pengajaran yang dapat kita ambil dalam filem ini adalah gangguan seksual bukan sahaja boleh berlaku terhadap wanita malah boleh berlaku terhadap lelaki juga. Justeru, gangguan seksual bukan sahaja boleh berlaku pada golongan bawahan malah boleh terdiri dalam golongan pembesar juga. Jelaslah, gangguan seksual boleh berlaku pada bila-bila sahaja tidak kira status.

4.1.7 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Cemburu

Cemburu adalah perasaan semulajadi yang dialami oleh mereka yang berada dalam hubungan romantik. Cemburu boleh menjadi sesuatu yang positif atau negatif kepada kualiti hubungan. Sesetengah sarjana bersetuju bahawa cemburu dikaitkan dengan pelbagai hasil hubungan negatif, seperti konflik hubungan, keganasan rumah tangga dan perceraian (Barnett, 1995; Buss, 2000) tetapi sarjana lain (Barelds, 2006) bagaimanapun, menganggap cemburu sebagai

sesuatu yang positif dan memberikan kesan yang baik kepada kualiti hubungan kerana ia adalah isyarat bahawa pasangan romantis menjaga satu sama lain dan menghargai hubungan mereka dengan tujuan untuk melindunginya (Megawati, 2016). Menurut Hupka, Buunk, Falus, Fulgosi, Ortega, Swain, & Tarabrina (1985), cemburu adalah “emotions, cognitions, and behavior associated with the appraisal of the threat arising from the potential, actual, or imagined involvement of one’s loved one or mate in a relationship with an interloper” (Hupka dkk, 1985: 425).

Syeikh Abdul Aziz bin Bazz menyatakan di dalam komentarnya dalam kitab Fath al-Bari bahawa mustahil bagi Allah untuk bersifat dengan sifat cemburu yang serupa dengan cemburu makhluk ciptaan-Nya. Adapun cemburu yang dimaksudkan adalah apa yang selayaknya bagi-Nya. Maka Allah bersifat dengan sifat cemburu menurut Ahlu Sunnah tanpa menyerupai sifat makhluk, dan hanya Allah yang mengetahui bagaimana keadaan sifat itu. Sifat cemburu bukan sahaja boleh hadir terhadap pasangan bercinta malah boleh terjadi dalam persahabatan, keluarga dan rakan sekerja. Di dalam filem Magika (2010) sifat cemburu dapat dilihat pada pasangan suami isteri iaitu Mak Andeh dan Pak Pandir. Perkara ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan dialog dibawah:

MAK ANDEH

Oh disini awak. Tak padan tua. Asyik mengurat Perempuan muda. Sedarlah sikit, perut dah buncit. Jalan pun terjongkang-jongket. Disini bukannya tempatmu, baik kau pulang segera. (Tarik telinga Pak Pandir).

PAK PANDIR

Aduh, aduh.

MAK ANDEH

Ohh, kau ingat aku dah tua, tak bergetah lagi kau sudah tak mahu? Sudah ! Balik! Nanti aku tahulah nak kerjakan kau.

(Filem Magika, minit ke 14:03, 2010)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan tersebut, jelaslah bahawa dalam babak ini pengarah ingin menunjukkan watak Mak Andeh yang cemburu terhadap suaminya iaitu Pak Pandir. Dalam babak ini, Pak Pandir sedang berbual dengan Ayu tentang Malik. Ayu bertanya dimanakah terletakinya Pasar Rimba kerana ingin mencari adiknya. Namun ada babak dimana Pak Pandir terlalu dekat dengan Ayu menyebabkan Mak Andeh marah dan cemburu. Perkara ini dapat dibuktikan lagi melalui contoh gambar dalam filem berikut :



Gambar 7 : Mak Andeh melihat pak pandir sedang rapat dengan Ayu. (Sumber:

Filem Magika)

Berdasarkan gambar yang dinyatakan, Mak Andeh sedang melihat suaminya berdiri rapat dengan tubuh badan Ayu. Pak pandir terkejut lalu menjauhi Ayu. Mak andeh terus menarik telinga pak pandir dan arahkan untuk pulang segera. Jelaslah, Cemburu merupakan perasaan biasa dalam hubungan sesama manusia. Namun, sifat cemburu yang berlebihan mampu mendatangkan pergaduhan, penceraian dan sebagainya. Oleh itu, sebagai seorang individu, kita wajarlah bijak mengawal emosi bagi mewujudkan suasana yang sejahtera dan harmoni.

4.1.8 Kritikan Sosial Terhadap Pembesar Yang Penakut.

Sifat takut perlu ada dalam diri setiap individu bagi menjamin keselamatan diri. Namun, sifat takut yang berlebihan mampu mengundang keburukan kepada diri dan orang sekeliling. Rasulullah SAW amat benci kepada orang yang bersifat penakut. Mereka di senaraikan dengan kaum munafik. Hal ini terbukti apabila Baginda telah menghukum dengan pemulauan terhadap tiga orang sahabat yang enggan turut berperang melawan kaum kafir. Ka'ab bin Malik, Mirarah bin Rabi' dan Hilal bin Umaiya pernah di pulaukan oleh Rasulullah SAW. Baginda telah melarang memberi salam kepada ketiga-tiga orang itu. Mereka juga tidak di benarkan menjawab salam yang di ucapkan kepada mereka. Firman Allah :

Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditangguhkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan), dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepadaNya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dia lah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani

(At Taubah:11-18)

Berdasarkan firman tersebut, Allah telah menengguhkan menerima taubat yang daripada tiga orang sahabat tersebut akibat sikapnya yang penakut iaitu enggan berperang melawan kaum kafir. Di dalam filem *Magika* (2010) sifat penakut dapat dilihat pada watak Hang Tuah. Perkara ini dapat dibuktikan lagi melalui contoh gambar dalam filem berikut :



Gambar 8 : Hang Tuah memanjat pokok akibat dikejar anjing.

(Sumber: Filem *Magika*)

Berdasarkan gambar yang dinyatakan, Hang Tuah telah bertindak meninggalkan Ayu dan melarikan diri apabila dikejar anjing. Pembesar (mala') menurut ahli bahasa secara umumnya, ialah seorang yang berpengaruh dan menjadi rujukan orang ramai. Kebiasaannya ia merupakan seorang elit, ketua, pemimpin, penguasa dan seumpamanya kepada sesuatu kelompok manusia secara rasmi atau pun tidak rasmi (Zawawi Yusoff, 2013). Namun, watak Hang Tuah yang dipaparkan sebagai seorang pembesar sangat bertentangan dengan watak asal. Perwatakan yang dimaksudkan adalah penakut. Sebagai contoh, perwatakan Hang Tuah pada watak sebenar dapat dilihat apabila Hang Tuah mengetui angkatan perang Melaka menumpaskan kegiatan lanun yang mengancam keselamatan Melaka. Beliau juga mengetui angkatan Melaka ke Pahang dengan tujuan untuk mengajar perbuatan raja Siak membunuh seorang rakyat Siak tanpa memberitahu Melaka. Berdasarkan peristiwa tersebut, watak Hang Tuah dapat dilihat sebagai seorang pembesar sangat berani namun tidak dalam filem *Magika*. Tindakan Hang Tuah meninggalkan Ayu merupakan tindakan yang tidak wajar dilakukan. Hang Tuah sebagai seorang lelaki malah seorang pembesar haruslah melindungi Ayu daripada sebarang serangan atau kejadian buruk berlaku. Jelaslah, sikap Hang Tuah yang penakut tersebut telah menyebabkan Ayu telah kehilangan tempat bergantung untuk mencari adiknya.

4.1.9 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Mementingkan Diri Sendiri

Sikap mementingkan diri sendiri merupakan sikap yang negatif dan perlu dielakkan dalam diri setiap individu. Setiap orang pasti mempunyai masalah tersendiri yang tidak difahami orang lain. Tetapi apabila sentiasa merasakan dia sahaja yang ada masalah, maka dia hanya akan beri tumpuan pada masalah dia sahaja tanpa ambil peduli orang lain. Anas bin Malik R.A dia berkata:

“Rasulullah S.A.W mengundang orang-orang Ansar untuk diberi bahagian mereka (tanah) di Bahrain, maka di antara mereka ada yang berkata, “Ya Rasulullah, jika anda melakukan hal tersebut kepada kami, maka lakukanlah hal yang sama terhadap saudara-saudara kami orang Quraisy”. Tetapi Baginda S.A.W tidak melakukan hal tersebut lalu Baginda S.A.W bersabda, “Sungguh kalian akan menyaksikan sikap individualistik (mementingkan diri) setelah pemergianku.”

(Hadis riwayat Imam Bukhari)

Berdasarkan petikan hadis, jelaslah sifat atau sikap mementingkan diri itu wujud sepertimana yang dinyatakan oleh Rasulullah bahawa umatnya akan menyaksikan sikap individualistik atau mementingkan diri diri selepas kematiannya kelak. Berdasarkan filem magika, sikap mementingkan diri dapat dilihat pada dua orang watak iaitu Nenek Kebayan dan Badang. Perkara ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan dialog dibawah:

AYU

Bad tolong lah saya. Takde tempat saya nak minta bantuan ni. Ada orang cakap adik saya dekat Pasar Rimba.

BAD

Ahhh, kau cari lah orang lain. Aku pun ada masalah aku sendiri.

(Filem Magika, minit ke 24:18, 2010)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan tersebut, jelaslah bahawa dalam babak ini watak yang dilakonkan oleh Badang merupakan seorang yang sangat mementingkan diri. Ayu telah mencari adiknya diserata tempat dan telah meminta bantuan kepada semua orang yang dia jumpa. Antara orang yang dijumpai ialah Badang. Ayu telah meminta bantuan Badang untuk mencarikan adiknya di Pasar Rimba kerana diculik oleh Nenek Kebayan. Namun selepas Ayu menyatakana diknya di Pasar Rimba, Badang terus mengalihkan pandangannya ke tempat lain dengan berkata tidak mahu menolong Ayu kerana itu bukan urusannya. Jelaslah, sifat mementingkan diri bukan sahaja membinasakan diri malah akan menyebabkan kesusahan kepada pihak dan Masyarakat sekeliling. Melihatkan kepada bahayanya sifat mementingkan diri dalam kehidupan sejagat, maka setiap individu perlulah memelihara diri agar tidak menghiasi dirinya dengan sifat keji tersebut. Oleh itu, setiap individu dituntut bersifat tawaduk yang bererti merendah diri dengan disusuli perasaan hormat menghormati antara satu sama lain.

4.1.10 Kritikan Sosial Terhadap Masyarakat Yang Melakukan Buli

Secara umumnya, tingkah laku buli ditafsirkan sebagai tingkahlaku yang dilakukan oleh seseorang dengan mengasari orang lain. Lumrahnya orang yang dikasari adalah bersifat lebih lemah dibandingkan dengan mereka yang mengasarinya. Tujuan tingkah laku buli ini dilakukan adalah untuk menunjukkan si pembuli lebih berkuasa dan menjadikan mangsa mudarat sama ada dari aspek fizikal ataupun psikologikal. Buli adalah salah laku yang dilakukan secara sedar sama ada berbentuk fizikal atau psikologikal ke atas mangsa yang lebih lemah bertujuan mendatangkan kemudaratkan fizikal atau psikologi. Perlakuan ini dilakukan secara berulang sehingga pembuli merasa seronok dan puas (Ngo Yew Yung, 2019). Buli juga dapat didefinisikan sebagai tingkah laku agresif sama ada fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak seronok (Yaakub, 2006).

Buli bukan sahaja berbentuk fizikal malah boleh berlaku dari segi lisan. Sebagai contoh, kecam badan juga boleh dikategorikan sebagai buli secara lisan. Kecam badan merupakan perbuatan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat sama ada di Malaysia atau di luar negara. Perbuatan ini juga adalah satu jenayah. Pelaku kecam badan atau perbuatan menghina rupa fizikal seseorang di mana-mana perkhidmatan aplikasi boleh didakwa di bawah Seksyen 233 (1) (b), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Jika didapati bersalah, individu yang melakukan kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali. Tidak dinafikan bahawa sesetengah anggota masyarakat suka mengkritik bentuk badan dan paras rupa orang lain sama ada secara sengaja atau sekadar bergurau. Namun, mereka tidak sedar bahawa perbuatan tersebut telah menyinggung perasaan dan menjatuhkan maruah seseorang.

Menurut Kementerian Kesihatan, mangsa yang mengalami kecam badan berkemungkinan besar mengalami stres dan gangguan emosi, hilang keyakinan diri, kecelaruan pemakanan, kemurungan malah ada yang terjebak dalam gejala bunuh diri. Kecam badan boleh membahayakan mangsa akibat perbuatan yang tidak memikirkan tentang sensitiviti orang lain seperti yang dijelaskan dalam surah al-Hujurat ayat 11 tentang larangan menghina orang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud,

“Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik.”

(Surah Al-Hujurat ayat 11)

Berdasarkan firman Allah tersebut, janganlah kita merendahkan atau menghina orang lain kerana barangkali yang direndahkan itu lebih baik sikap dan perangainya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan dialog dibawah:

NENEK KEBAYAN :

Kenapa engkau ni hah! Mak kau gemok kedempol ye?

HAHAHA MALIK :

Makcik! Janganlah cakap macam tu. Mak saya dah takda.

(Filem Magika, minit ke 36:23, 2010)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan tersebut, jelaslah bahawa dalam babak ini watak yang dilakonkan oleh Nenek Kebayan merupakan seorang yang sangat suka membuli sehingga mengecam badan seseorang. Nenek Kebayan telah mengecam badan ibu kepada Malik iaitu Puan Khatijah. Nenek Kebayan telah menyatakan bahawa ibu Malik gemok kedempol yang membawa maksud sangat gemok. Nenek Kebayan bertindak begitu kerana inginkan Malik mengeluarkan air mata dengan lebih banyak untuk dijadikan ramuan dalam jamunya. Kecaman yang dikeluarkan dari mulut Nenek Kebayan tersebut telah membuatkan Malik berasa sedih dan menyebabkan Malik menangis tanpa henti. Impaknya, setiap anggota masyarakat perlulah peka dalam menjaga percakapan dan tutur kata agar tidak menyakiti orang lain. Ketahuilah bahawa setiap perkataan yang keluar dari mulut atau ditulis oleh jari sebenarnya mencerminkan tahap akhlak individu itu sendiri.

5. Kesimpulan

Melalui perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa filem Magika ini merupakan satu drama yang sarat dengan kritikkannya terhadap sesebuah kelompok masyarakat. Terutamanya ialah berkenaan dengan masyarakat Melayu seperti yang digambarkan oleh pengarah melalui filem Magika (2010). Pada masa yang sama, pengarah masih tidak meminggirkan nilai murni yang terdapat dalam filem tersebut. Sebagai contoh, pengarah memasukkan kritikan tentang bertanggungjawab, amanah, kasih sayang dan sebagainya. Bukan itu sahaja, malah kritikan sosial terhadap masyarakat yang dikemukakan adalah melibatkan dari segi aspek pelbagai seperti kekeluargaan dan perkahwinan.

Kesemua kritikan sosial terhadap masyarakat yang dibincangkan dalam bab ini adalah kesemuanya berdasarkan daripada perspektif pengarah dan penulisnya Edry Abdul Halim itu sendiri. Hal ini membawa maksud bahawa segala aspek kritikan tersebut berpandukan kepada pemerhatian pengarah terhadap masyarakat pada zaman dahulu sehingga kini. Dari sudut positif, kritikan-kritikan yang kemukakan dapat dijadikan sebagai iktibar dan didaktik kepada khalayak bagi menimbulkan kesedaran masyarakat agar lebih peka terhadap situasi semasa.

Rujukan

- al-Bukhari, Muhammad Ismail. (2002). Sahih al-Bukhari. Dimashq: Dr In Kathir. al-Qur'an al-Karim.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung. (1996). Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia. Kuala Lumpur: FINAS.
- Hamzah Hamdani. (1988). Konsep dan Pendekatan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1994). Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. *Dewan Sastera, Februari*, 10-15.
- Herimanto & Winarno. (2008). Ilmu Sosial dan Budaya Dasar. Jakarta: Bumi Aksara.
- Ismail Abdullah (2009), Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri, Cet. 1, Kuala Lumpur.
- Mohd Affendi Azizan. (2012). Filem muzikal Malaysia: kajian perbandingan antara filem Hollywood dan Malaysia dari tahun 2000 sehingga 2010 (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Othman Puteh. (2000). Sastera Kanak-kanak dan Remaja dalam Konteks Pendidikan Era

- Globalisasi. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja, 7-8 November. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pravina Surenthiran (2021) *Kajian Perbandingan Kualiti Cgi Dalam Filem Magika 2010 Dan Filem Avatar 2009*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Saddi, F., Dawam, Z. A. M., & Hisham, F. (2022). Ciri Dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal Magika (2010): Characteristics And Functions Of Songs In Forming The Plot Structure Of The Musical Film Magika (2010). *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(1), 61-70. Susunan Michelle Gun, 10 filem muzikal terbaik. Hmetro.com.my <https://api.hmetro.com.my/node/205120> [5 Disember 2023]
- Talib Samat. (2010). Isu-isu terpilih dalam nazrah perkembangan novel Melayu terkini. Tanjong Malim: Penerbit Emeritus Publications.
- Utley, Francis Lee. (1965). "Folk-Literature: An Operational Definition." In Dundes, Alan. (Ed.), *The Study of Folklore* (hlm. 7-24). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Incorporation.